



**PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR KALI KE
27 BIL. 27 TAHUN 2021
TATACARA PERMOHONAN KELUAR MASUK RESIDEN PELAJAR UNIVERSITI
MALAYSIA PAHANG**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Pelajar yang dikasihi,

Pelajar yang tinggal di mana-mana Residen Pelajar UMP kampus Gambang atau Pekan dan ingin keluar masuk kampus perlu membuat permohonan melalui *E-Community* masing-masing **berkuatkuasa serta merta** mulai tarikh pemakluman ini dikeluarkan.

Pelajar perlu membuat permohonan keluar masuk kampus melalui;

- i. **Overnight Outing** : Keluar masuk kampus bagi tujuan bermalam (Melebihi 24 jam) - Perlu dimohon sekurang-kurangnya satu (1) hari sebelum tarikh keluar kampus

Untuk Memohon : E-Community – Overnight – Apply

Setelah diluluskan : Status Approve – Muat Turun Surat Kelulusan Digital

- ii. **Daily Outing** : Keluar masuk harian (Balik sebelum jam 12.00 malam) – Boleh dimohon pada tarikh semasa

Untuk Memohon : *E-Community* – *Overnight* – *Approve* – Muat Turun

Surat Kelulusan Digital

2. Surat kelulusan tersebut adalah cetakan komputer dan tidak memerlukan tandatangan. Pelajar diminta untuk menunjukkan paparan surat kelulusan **TANPA PERLU DICETAK** melalui *e-community* masing-masing kepada pegawai keselamatan bertugas di pintu keluar masuk utama kampus atau mana-mana pegawai sekiranya diminta.

3. Siasatan akan dijalankan kepada mana-mana pelajar yang didapati menyalahgunakan surat kelulusan ini dan tindakan bersesuaian boleh dikenakan

berdasarkan Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Pahang (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009 dan peraturan-peraturan lain yang sedang berkuatkuasa

4. Sebagai langkah kawalan tambahan semua pelajar dikehendaki sentiasa melakukan TRIIS (Test, Report, Inform, Isolate, Seek) bagi mengawal dan mencegah jangkitan dan penularan Covid-19 dalam kampus.

- i. (T-Test) - Segera lakukan ujian saringan Covid-19 secara sendiri sekiranya alami simptom-simptom jangkitan seperti selsema, demam, batuk dan lain-lain.
- ii. (R-Report) - Laporkan keputusan saringan secepat mungkin di aplikasi CoSMoS / My Sejahtera .
- iii. (I-Inform) - Jika didapati positif, maklum & lapor semua kontak rapat kepada pihak Pusat Kesihatan Universiti. Maklum pihak berwajib/CAC jika kesihatan semakin merosot.
- iv. (I-Isolate) – Sekiranya didapati positif patuh untuk lakukan kuarantin/pengasingan sendiri dengan penuh disiplin supaya tidak membahayakan orang sekeliling.
- v. (S-Seek) - Dapatkan rawatan segera di Pusat Kesihatan Universiti jika alami gejala berat seperti sukar bernafas & suhu badan terlalu tinggi.

Sebarang pertanyaan sila hubungi Bilik Gerakan UMP seperti berikut Kampus Gambang (09-549 3333) dan UMP Pekan (09-424 6999) atau melalui emel admin_jhepa@ump.edu.my.

Sekian Terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

"Memasyarakatkan Teknologi"

Saya yang menjalankan amanah.



PROFESOR MADYA DR. MANSOR BIN SULAIMAN

Dekan perkhidmatan Pelajar (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Tarikh: 3 Disember 2021

s.k Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Pendaftar I Ketua Pegawai Operasi

Bendahari I Ketua Pegawai Kewangan

Ketua Pustakawan

Penasihat Undang-Undang

Semua Dekan Kanan I Dekan I Pengarah I Ketua Jabatan

Semua Staf Akademik dan Pentadbiran

#StaySafe

#StayStrong

#StayAtHome

#AmalkanPenjarakanSosial

#KitaJagaKita